

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan*

- 1 (a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang dipatuhi dalam situasi berikut:

Bil	Situasi	Andaian, prinsip dan batasan perakaunan
(i)	Encik Mujahid telah mengambil laptop milik perniagaan untuk kegunaan anaknya. Perkara ini telah direkodkan sebagai Ambilan.	
(ii)	Canggih Enterprise menetapkan polisi kadar susut nilai bagi semua aset bukan semasa ialah 15% setahun atas kos. Kaedah ini akan diamalkan untuk tahun-tahun berikutnya.	

[2 markah]

- (b) Carta akaun berikut digunakan oleh Sallehuddin Enterprise dalam penyimpanan akaun perniagaan.

Kod Item	Jenis Akaun
1000/000	Aset Bukan Semasa
2000/000	Aset Semasa
3000/000	Liabiliti Bukan Semasa
4000/000	Liabiliti Semasa
5000/000	Hasil
6000/000	Belanja

Cadangkan kod item bagi Akaun Mesin dan Akaun Angkutan keluar.

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Buku Samudera bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2023	18 740
Inventori pada 30 Jun 2024	22 200
Belian	31 340
Jualan	35 140
Untung Kasar	7 260

Hitung tokokan. (jawapan dalam 2 titik perpuluhan)

[2 markah]

- (d) Berikut merupakan maklumat hasil sewa khemah dalam belanjawan Perniagaan Sewaan Khemah Jassin bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2024.

Anggaran hasil sewaan khemah berjumlah RM15 230

Sekiranya penerimaan sebenar sewaan khemah bagi tempoh Januari hingga Mac 2024 ialah RM13 450,

- (i) bandingkan dapatan anggaran dengan sebenar.
- (ii) berikan pendapat anda.

[2 markah]

- (e) Nyatakan perbezaan ciri perniagaan di bawah dalam aspek tanggungan liabiliti.

Perkongsian	Aspek	Syarikat Berhad
(i)	Tanggungan liabiliti	(ii)

[2 markah]

- 2 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Perusahaan Ambatron pada 31 Julai 2024 yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Pengkalan Ipoh Perak.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2024		
	Debit RM	Kredit RM
Inventori pada 1 Ogos 2023		
Bahan langsung	24 900	
Kerja dalam proses	12 200	
Barang siap	45 600	
Alat – alat kecil	9 800	
Gaji operator kilang	138 200	
Royalti	20 000	
Angkutan masuk bahan langsung	5 750	
Belian bahan langsung	404 000	
Pulangan belian bahan langsung		12 400
Pulangan jualan	20 500	
Belian barang siap	80 000	
Mesin (Kos RM 150 000)	133 500	
Peralatan	46 000	
Belanja penyelenggaraan	12 400	
Gaji pengurus kilang	84 000	
Gaji penyelia kilang	36 000	
Insurans	12 000	
Bank	102 200	
Kadar bayaran	42 000	
Sewa	48 000	
Belian alat – alat kecil	10 400	
Jualan		960 000
Akaun Belum Terima	55 500	
Akaun Belum Bayar		58 400
Modal		312 150
	1 342 950	1 342 950

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Julai 2024:

	RM
Bahan langsung	20 750
Kerja dalam proses	19 990
Barang siap	88 600
Alat – alat kecil	7 700

- (ii) 90% daripada gaji operator kilang merupakan gaji langsung kilang manakala selebihnya merupakan gaji tidak langsung kilang.

- (iii) Perniagaan telah membeli 10 unit peralatan pada berharga RM46 000 pada 1 Februari 2024.
- (iv) Polisi susut nilai perniagaan adalah seperti berikut:
- (a) Susut nilai mesin ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
 - (b) Susut nilai peralatan ialah 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus.
- (v) Bayaran royalti belum bayar ialah RM5 000
- (vi) Sekeping nota kredit daripada pembekal berjumlah RM600 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vii) Agihan perbelanjaan kilang dan pejabat adalah seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
	%	%
Insurans	70	30
Kadar bayaran	80	20
Sewa	50	50
Susut nilai mesin	90	10
Susut nilai peralatan	80	20
Belanja penyelenggaraan	70	30

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2024 [19 *markah*]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2024 [6 *markah*]

- 3 Aqif telah memulakan perniagaan Symphony Enterprise pada 1 Julai 2023 di Lapangan Cempaka Sari Ipoh. Berikut merupakan maklumat perniagaannya pada 30 Jun 2024.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2024		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Premis	110 800	
Kenderaan	120 000	
Alatan pejabat	15 000	
Jualan		180 000
Belian	72 000	
Pulangan	3 600	1 440
Sewa	7 200	
Kadar bayaran	4 800	
Komisen		9 000
Gaji	36 000	
Insurans	3 000	
Pinjaman bank		67 500
Faedah atas pinjaman	1 250	
Duti atas belian	1 800	
Belanja am	5 760	
Akaun Belum Terima	27 000	
Akaun Belum Bayar		11 520
Diskaun	4 500	1 080
Ambilan	400	
Modal		170 570
Bank	25 200	
Tunai	2 800	
	<u>441 110</u>	<u>441 110</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2024 dinilai RM14 400 pada harga kos dan RM13 800 pada harga pasaran.
- (ii) Insurans telah dibayar untuk tempoh setahun pada 1 April 2024.
- (iii) Kadar bayaran yang dibayar termasuk bil elektrik rumah kediaman pemilik RM450.
- (iv) Perniagaan telah membuat pinjaman bank RM75 000 pada 1 Januari 2024. Kadar faedah atas pinjaman bank ditetapkan 4% setahun dan tempoh bayaran balik pinjaman bank adalah 5 tahun.
- (v) Seorang pelanggan telah mufis dan hutangnya RM1 200 dihapuskan.
- (vi) Kenderaan telah dibeli pada 1 Julai 2023. Jangkaan usia guna kenderaan tersebut adalah 10 tahun dan nilai skrap RM2 000.

- (vii) Alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 15% setahun menggunakan kaedah garis lurus.
- (viii) Kadar peruntukan hutang ragu sebanyak 2% diwujudkan atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024 [12 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 (a)** Ammar, seorang bekas pemain golf profesional telah menjalankan perniagaan menjual peralatan golf pada 1 April 2024 dengan tunai di tangan RM2 500 dan inventori RM3 500.

Berikut adalah urusanniaga yang berlaku sepanjang bulan April 2024:

2024

- April 5 Membeli peralatan golf daripada Hafiz Co. secara kredit bernilai RM2 600.
- 10 Menjual barang niaga kepada En. Megat ahli berdaftar RM900 secara kredit
- 12 Menerima nota kredit daripada Hafiz Co. bernilai RM100
- 15 Membeli kasut dan aksesori golf secara kredit daripada Titliest Sportswear bernilai RM1 660
- 18 En. Syed telah membeli barang niaga bernilai RM700 tetapi masih belum membuat sebarang bayaran.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | | |
|------|---|------------|
| i. | Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan) | [2 markah] |
| ii. | Jurnal Belian | [3 markah] |
| iii. | Jurnal Jualan | [3 markah] |
| iv. | Jurnal Pulangan Belian | [2 markah] |

- 4 (b)** I-Creative Trading telah menerima Penyata Bank bagi bulan berakhir Julai 2024. Baki penyata bank yang diterima adalah berbeza dengan baki Buku Tunai. Berikut adalah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh berkenaan.

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2024			2024			
Julai 2	Jualan	8 900	Julai 1	Baki b/b		3 411
3	Sewa	8 400	5	Telco Enterprise	990160	4 400
10	Rosie	1 400	6	Insurans	990162	1 800
22	Pembekal Qarim	1 200	12	Komisen jualan	990163	900
			26	Iklan	990164	1 000
			30	Gaji	990165	2 000
			30	Baki h/b		6 389
		<u>19 900</u>				<u>19 900</u>
Ogos 1	Baki b/b	6 389				

Bank Amanah Berhad Wisma Amanah Setia 30450 Ipoh, Perak PENYATA BANK I-Creatvie Trading 2 Persiaran Greentown 4C 31350 Ipoh No. Akaun: 1203-6967-9699 Tarikh: 31 Julai 2024					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2024					
Julai 1	Baki b/b				(2 911)
14	Cek	990162	1 800		(4 711)
15	Cek	990160	4 400		(9 111)
18	Faedah simpanan tetap			980	(8 131)
20	Caj bank		30		(8 161)
22	Pembekal Qarim	990161	1 200		(9 361)
24	Cek	990159	500		(9 861)
25	Cek	990163	900		(10 761)
26	Caj bank		50		(10 811)
29	Buku cek		30		(10 841)
31	Deposit			8 400	(2 441)

Maklumat Tambahan:

- (i) Satu cek yang diterima pada 10 Julai 2024 dipulangkan oleh bank kerana terdapat kesilapan bagi tandatangan.
- (ii) Pembayaran dengan cek kepada Pembekal Qarim bernilai RM1 200 telah didebitkan oleh bank, tetapi tersalah catat dalam buku tunai di sebelah debit.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2024 tanpa mengemaskini buku tunai dengan memulakan baki di Buku tunai [10 markah]

- 5 (a)** Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada Perniagaan Faizul yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

Perniagaan Faizul Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023				
	Kos	Susut Nilai	Nilai	
	RM	Terkumpul RM	Buku RM	RM
Aset Bukan Semasa				
Lengkapan	7 500	750	6 750	
Kenderaan	13 500	-	13 500	
				20 250
Aset Semasa				
Inventori			9 030	
Bank			8 780	
Tunai			900	
			18 710	
Liabiliti Semasa				
Akaun belum bayar			(5 710)	
Modal kerja				13 000
				33 250
Ekuiti Pemilik				
Modal				20 000
Tambah: Untung bersih				3 250
Modal akhir				23 250
Liabiliti Bukan Semasa				
Pinjaman				10 000
				33 250

Ringkasan Buku Tunai bagi tahun berakhir 31 Mei 2024 adalah seperti berikut:

BUKU TUNAI

Butiran	Diskaun Diberi	Tunai	Bank	Butiran	Diskaun Diterima	Tunai	Bank
Baki b/b		RM 900	RM 8 780	Lengkapan	RM	RM	RM 1 500
Jualan		15 260	23 890	Belian		6 780	
Komisen		285		Akaun			
				Belum Bayar	425		16 100
				Ambilan		820	
				Sewa premis			6 500
				Gaji			9 800
				Pinjaman			2 000
				Faedah			
				atas			600
				pinjaman			
				Belanja Am		650	

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa Premis adalah RM500 sebulan.
- (ii) Faedah atas pinjaman adalah 8% setahun berdasarkan baki awal tahun.
- (iii) Invois yang diterima daripada Izzah Enterprise bernilai RM2 480 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iv) Baki akhir Akaun Belum Bayar pada 31 Mei 2024 ialah RM3 845.
- (v) Susut nilai tahunan adalah seperti berikut

Lengkapan	10% mengikut kaedah baki berkurangan
Kenderaan	10% setahun atas kos

- (vii) Inventori akhir dinilai pada RM7 800 pada harga kos dan RM6 030 pada harga pasaran.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2024. [11 markah]

5 (b) Berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan bagi Syarikat Zaiton Berhad.

Zaiton Berhad	
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023	
	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
1 000 000 unit 8% syer keutamaan RM2.00	2 000 000
sesyer	
4 800 000 syer biasa RM1.00 sesyer	4 800 000
	<u>6 800 000</u>

Jadual dibawah menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2022.

Tahun	Keuntungan RM
2021	150 000
2022	314 000

Maklumat tambahan:

- (i) Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM640 000.
- (ii) Pada 31 Disember 2023 Lembaga Pengarah telah:
 - Mengisytiharkan pembayaran dividen interim 5% kepada pemegang syer keutamaan dan 2% kepada pemegang syer biasa.
 - Mencadangkan dividen akhir sebanyak 7% kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (i) Melengkapkan jadual di ruangan jawapan untuk menunjukkan agihan dividen antara pemegang syer keutamaan dengan pemegang syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2022. [4 markah]

Tahun	Keuntungan Diperuntukkan Untuk Dividen	Dividen Syer Keutamaan	Dividen Syer Biasa
	RM	RM	RM
2021			
2022			

- (ii) Menghitung dividen akhir bagi syer keutamaan. [2 markah]

- 6 (a)** Sofean seorang peniaga runcit telah menyediakan Imbangan Duga pada 31 Mac 2024.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2024		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Bank	50 400	
Tunai	950	
Modal		38 925
Belian	47 110	
Jualan		68 950
Pulangan	1 050	725
Perabot	5 900	
Ambilan	1 900	
Belanja runcit	1 740	
Akaun Belum Terima	20 200	
Akaun Belum Bayar		20 650
	<u>129 250</u>	<u>129 250</u>

Kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga disediakan.

- (i) Bayaran kepada Dhanial Enterprise RM600 telah direkod ke Akaun Nadia Enterprise.
- (ii) Belian perabot berkos RM3 500 telah direkod ke dalam Akaun Belian.
- (iii) Tunai telah diambil untuk kegunaan peribadi RM300 tidak direkod di mana-mana buku.
- (iv) Pulangan jualan RM45 telah dikreditkan ke Akaun Pulangan Belian dan didebitkan ke Akaun Belum Terima.
- (v) Jualan barang niaga secara kredit RM3 592 telah dicatat dalam buku sebagai RM3 529.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal Am untuk membetulkan kesilapan (abaikan keterangan) [11 markah]

- (b) Perniagaan Suria menyediakan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar. Wang sebanyak RM500 diperuntukkan sebagai dana tunai runcit. Baki tunai runcit pada 1 Mei 2024 ialah RM80. Urusniaga berikut dilakukan di sepanjang bulan Mei:

2024		RM
Mei 1	Terima cek dari ketua juruwang	?
2	Beli kertas pencetak	120
7	Bayaran tambang teksi	25
14	Penghantaran bungkusan	30
20	Minuman tetamu	80
30	Beli dakwat pencetak	120

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit pada 31 Mei 2024 dengan lajur analisis Belanja pejabat, Pos, Belanja perjalanan dan Alat tulis. (Tunjukkan bayaran balik pada 1 Jun 2024.) [9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

